

Headline	TNB tambah baik khidmat		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	09 May 2018	Language	Malay
Circulation	125,514	Readership	947,000
Section	Bisnes	Page No	55
ArticleSize	352 cm ²	Journalist	Oleh Nasuha
PR Value	RM 36,401		



TNB tambah baik khidmat

➔ Kumpulan manfaat teknologi tingkat pengalaman pengguna

Oleh Nasuha
Badrul Huzaini
nasuha@nstp.com.my

Tenaga Nasional Bhd (TNB) akan terus memanfaatkan teknologi, menawarkan perkhidmatan berkaitan tenaga yang relevan dan meningkatkan keberkesannya bagi menambah baik pengalaman pengguna dan keuntungan domestik.

Presiden dan Ketua Eksekutifnya, Datuk Seri Ir Azman Mohd menegaskan bahawa aktiviti kumpulan akan berteraskan peningkatan pengalaman pelanggan menerusi teknologi, termasuklah mengukuhkan kehadirannya dalam bidang digital.

Katanya, kumpulan juga

akan terus menaik taraf pusat panggilan sebagai sebahagian usaha untuk memberikan khidmat kepada pelanggan secara jarak jauh.

Jalin kerjasama syarikat lain

"Selain itu, kami juga akan menjalin kerjasama dengan syarikat lain dalam Kumpulan TNB serta rakan kongsi luaran dalam menyediakan perkhidmatan berkaitan teknologi yang relevan.

"Perkhidmatan ini dijangka membantu meningkatkan keuntungan domestik dan dalam masa yang sama keberkesanan perkhidmatan pelanggan kami akan terus ditingkatkan sebaik sahaja kami selesai mengasingkan entiti perkhidmatan pelanggan kami dalam tahun ini," katanya dalam Laporan Tahunan Bersepadu TNB untuk tempoh empat bulan berakhir 31 Disember 2017.

Azman juga mendedahkan bahawa kumpulan sedang melaksanakan teknologi dan pendekatan baharu bagi operasi gridnya.

TNB juga, katanya dijangka meningkatkan pengurusan asetnya di samping mengembangkan penggunaan penyele-



Azman Mohd

saian mudah alih.

"Kami merancang untuk memulakan penggunaan penyelesaian mudah alih bagi pengurusan aset kabel kuasa di seluruh Semenanjung menjelang suku ketiga tahun ini.

Terus meneroka pengambilalihan

"Ujian penggunaan penyelesaian mudah alih bagi pengurusan pembinaan, pengurusan substesen, operasi voltan rendah dan baik pulih kumpulan dijangka dilakukan pada suku kedua tahun ini," katanya

Mengulas mengenai penerokaan antarabangsa dan pengambilalihan aset boleh diperbaharui, Azman berkata kumpulan akan terus mene-

roka pengambilalihan boleh diperbaharui pada peringkat antarabangsa yang mempunyai potensi yang tinggi dalam bidang solar dan janaan angin.

"Selain itu, kami juga meninjau peluang di sebalik pengambilalihan boleh diperbaharui dan aktif mengambil bahagian dalam tawaran pada peringkat antarabangsa sejak tahun 2016," katanya.

Mengulas mengenai prestasi kewangan berakhir 31 Disember 2017, Pengerusinya, Tan Sri Leo Moggie, berkata TNB mengekalkan pendapatan yang mampan dengan keuntungan operasi RM3.15 bilion dan keuntungan sebelum cukai RM2.74 bilion, lebih tinggi daripada RM1.79 bilion dalam tempoh sama tahun lalu.

"Keputusan kewangan menunjukkan pengurusan kewangan berhemah TNB yang menyokong sasaran pertumbuhan mampan kami. Ia membolehkan kami terus memberikan nilai kepada pemegang saham," katanya.

Lembaga Pengarah TNB meluluskan pembayaran dividen sebanyak 21.41 sen sesaham, bersamaan dengan RM1.21 bilion bagi tempoh empat bulan berakhir 31 Disember 2017.